

Kakitangan UMSKAL diseru martabatkan UMS

NST 24.8.2014 7

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali menyeru warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) agar berusaha untuk memartabatkan universiti di mana juga mereka bekerja.

Katanya, semua pegawai dan kakitangan sokongan perlu bekerja bersungguh-sungguh menaikkan nama dan imej universiti dalam pelbagai bidang.

Beliau yang juga mantan Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berharap komitmen dan kesungguhan mereka itu selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah yang mahu warganya tugas yang telah diamanahkan.

“Tidak kira sama ada kita bertugas di Kota Kinabalu, Labuan mahupun Sandakan, semua pegawai dan kakitangan sokongan wajar menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perpisahan dan penghargaan di Bilik Sri Menanti, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Dr. Ismail dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS yang baru berkuatkuasa selama tiga tahun bermula 16 Ogos 2014 sehingga 15 Ogos 2017.

Beliau menggantikan Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur yang memegang jawatan itu selama lima tahun sebelum tamat 15 Ogos lalu.

Berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) pada awal kariernya di UMS, beliau merupakan seorang anak jati dari Kampung Durian Tunjong, Wilayah Persekutuan Labuan yang cukup rajin dan kental dalam meningkatkan tahap pencapaian diri.

Pada 2000 beliau berjaya menamatkan Ijazah Sarjana dalam bidang Sejarah Per-



KEJAYAAN ... Kontinjen UMSKAL meraih kejayaan dalam Sukan Staf UMS selama dua tahun bersama Dr Ismail (tengah, memegang trofi).

adaban Maritim dari Universiti Malaya (UM), sebelum memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sama pada 2004.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai pensyarah pada 2005 sebelum dilantik sebagai Ketua Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial selepas tiga tahun.

Dr. Ismail Ali dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan

Pelajar (PKPP) pada 2009 sebelum menyandang jawatan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) pada 2010.

Selepas dua tahun memegang jawatan itu, beliau telah dilantik sebagai Pengarah UMSKAL sejak 2012.

Dr. Ismail mahu semua kakitangan UMSKAL membabitkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan

CENDERAHATI Dr Ismail (dua kiri) menerima cenderamata daripada Dr Ag Asri (dua kanan) sambil diperhatikan dari kiri Mohd Rafie, Syed Nasirin dan Zamri (kanan) pada majlis perpisahan di UMS Labuan.

terutama dengan pemimpin dan ketua kampung.

Beliau berharap semangat bekerjasama yang diterapkan sejak dua tahun lalu akan diteruskan pada masa akan datang.

Selain itu, Dr Ismail mahu semua pegawai dan kakitangan mengekalkan kecergasan dan menjaga kesihatan dengan bergiat aktif dalam bidang sukan dan rekreasi sekaligus membawa UMSKAL ke mercu kejayaan khususnya Sukan Staf UMS.

“Saya mahu UMSKAL terus menyinar di bawah pentadbiran Pengarah baru, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik. Saya yakin dengan komitmen semua pegawai dan kakitangan, UMSKAL akan beroleh kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang yang diceburi,” katanya.

Sebagai anak tempatan, beliau turut mempunyai hubungan baik dengan pemimpin masyarakat termasuk Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman selain ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas kesungguhan Dr Ismail yang banyak membawa perubahan khususnya pembangunan fizikal dan kerjaya kakitangan.

“Kita telah bersama-sama mengharungi cabaran dan dugaan bersama Dr Ismail selama dua tahun yang seharusnya meningkatkan semangat bekerja dalam satu pasukan,” katanya.

Turut hadir Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Zainal Abidin, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Mohd Raffie Janau. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**